

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

HSC 224 – Sejarah Asia Timur

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Sekurang-kurangnya SATU soalan mestilah dijawab daripada setiap **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A

1. Bincangkan secara bandingan kedudukan dan peranan golongan terpelajar dan golongan tentera di China dan di Jepun sebelum pertengahan kurun ke-19.
2. Huraikan perkembangan dan peranan feudalisme dalam sejarah China dan Jepun sebelum pertengahan kurun ke-19.
3. Sejauh manakah pensejarahan tradisional Jepun berbeza daripada pensejarahan tradisional China ?

Bahagian B

4. “Zaman T’ang sesungguhnya adalah zaman Han yang hidup kembali”. Nilaikan kebenaran dan kepalsuan pernyataan ini.
5. Sejauh manakah Jepun pada zaman Tokugawa berbeza daripada Jepun pada zaman Kamakura?

...2/-

6. “Orang bukan Cina sentiasa mengancam kedaulatan negara China dan menggugat kepentingan orang Cina. Sungguhpun demikian, orang bukan Cina banyak menyumbang kepada keagungan negara dan bangsa China”. Bincangkan.
7. Dengan merujuk kepada zaman sebelum kurun ke-19 bincangkan sikap dan tindak balas Jepun terhadap unsur-unsur luar serta kesan kehadiran unsur-unsur luar itu terhadap pembinaan jati diri Jepun.